

Bekas wakil rakyat perlu terus berkhidmat — Najib

Oleh TARMIZI ABDUL RAHIM
dan SAIFUL HAIZAN HASAM

PORT DICKSON 27 Julai — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta semua bekas wakil rakyat supaya jangan sesekali meminggirkan diri sebaliknya terus menyumbang kepada kepentingan parti, kerajaan dan negara.

Menurut beliau, peranan, jasa serta pengalaman yang mereka miliki amat berharga dalam memastikan kesejahteraan dan survival negara untuk terus kekal cemerlang, gemilang dan terbilang dalam negara dan di persada dunia.

“Mubarak dalam bahasa Arab bermaksud yang diberkati dan perlu diingat bahawa

peranan tuan-tuan sebagai bekas wakil rakyat adalah amat dihargai oleh parti. Sepatutnya apabila sudah tamat perkhidmatan bukan bererti tuan-tuan harus menysihkan diri terus daripada parti dan kerajaan.

“Apabila kita bekerja sebagai satu pasukan dan ditambah lagi dengan banyak pengalaman perjuangan tuan-tuan yang dihormati oleh rakyat, maka tentu sekali tuan-tuan dapat mempengaruhi pengundi supaya terus menyokong Barisan Nasional (BN),” katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam menyambut 50 tahun kemerdekaan negara dan perhimpunan agung Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) di Hotel Guoman di sini malam ini. Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk

Um-28/7/2007

Seri Mohamad Hasan; pemangku Presiden Mubarak, Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Naib Presiden Mubarak, Tan Sri Zaleha Ismail.

Najib berkata, sumbangan dan kehadiran ahli-ahli Mubarak dalam setiap aktiviti serta kegiatan parti dan kerajaan amat dialu-alukan dan dihargai.

“Persoalan kedudukan kita dalam parti tidak penting. Yang penting ialah perjuangan ikhlas dan suci sama ada di barisan hadapan, belakang atau tengah tidak timbul kerana kita semua masih dalam satu parti yang mempunyai perjuangan sama.

“Sudah menjadi lumrah kehidupan bahawa yang di atas akan turun dan muda akan jadi tua juga akhirnya. Rakyat akan lebih hormat kepada kita bukan kerana kedudukan tetapi kerana kesetiaan tidak

berbelah bahagi kepada parti dan negara biarpun sudah beruban dan gigi tinggal dua,” katanya.

Menurut Najib, bekas wakil rakyat yang memiliki banyak pengalaman boleh berkongsi perjuangan mereka dengan generasi pemimpin baru.

Beliau berkata, kejayaan negara yang dicapai sejak 50 tahun dahulu adalah hasil daripada keringat perjuangan ahli-ahli Mubarak yang telah berjaya memimpin negara dalam setiap pilihan raya umum dan kecil.

“Tiada mana-mana negara pun di dunia yang boleh menafikan kejayaan yang diperolehi BN dalam 11 kali pilihan raya umum dan insya-Allah akan memasuki edisi ke-12 nanti,” katanya.